

**SULIT**  
**1249/1**  
**Sejarah**  
**Kertas 1**  
**September**  
**2009**  
1 jam

1249/1



---

**MAKTAB RENDAH SAINS MARA**

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009**

---

---

**SEJARAH**

Kertas 1

Satu jam

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

- 1      Penyataan berikut merujuk kepada proses pembentukan tamadun awal.

Barangan yang dihasilkan oleh kumpulan tertentu berbeza dengan kumpulan yang lain.

Aktiviti di atas merujuk kepada

- A      mewujudkan petempatan kekal
  - B      membentuk sistem pemerintahan
  - C      mengamalkan kehidupan berorganisasi
  - D      melaksanakan pengkhususan pekerjaan
- 2      Apakah kehebatan teknologi yang dimiliki oleh kerajaan Angkor ?
- A      Bandar terancang
  - B      Sistem pengairan
  - C      Pembinaan kapal
  - D      Penciptaan roda
- 3      Mengapakah bahasa Melayu menjadi *lingua franca* dalam aktiviti maritim semasa kerajaan awal ?
- A      Mudah dipelajari
  - B      Merupakan bahasa ilmu
  - C      Perdagangan dikuasai orang Melayu
  - D      Perdagangan berlaku di Asia Tenggara

- 4 Maklumat berikut merujuk kepada tindakan Maharaja Rom.

Maharaja Vespian (tahun 67- 69 M) telah menghentikan perdagangan logam emas dengan India.

Apakah kesan tindakan tersebut kepada India ?

- A Hubungan dengan China terjalin
  - B Penghasilan barangan arca berkurang
  - C Perdagangan ke Asia Tenggara meningkat
  - D Hubungan diplomatik dengan Rom tamat
- 5 Maklumat berikut menunjukkan pembahagian masyarakat Arab Jahilliah.

- Hadari
- Badwi

Masyarakat tersebut berbeza dari aspek

- A fahaman politik
  - B tahap pendidikan
  - C lokasi petempatan
  - D taraf sosioekonomi
- 6 Mengapakah tindakan pemulauan terhadap Nabi Muhammad s.a.w di Makkah gagal ?
- A Kekuatan strategi Islam
  - B Kewibawaan pemimpin Islam
  - C Pengislaman tokoh penting Quraisy
  - D Perpecahan dalam masyarakat Quraisy

- 7 Mengapakah kehidupan di Madinah kurang aman sebelum kedatangan Islam ?
- A Ancaman daripada kerajaan Parsi
  - B Penguasaan ekonomi oleh Yahudi
  - C Perbezaan amalan kepercayaan
  - D Kelemahan undang-undang
- 8 Mengapakah peperangan dibolehkan dalam Islam ?
- A Meluaskan pengaruh
  - B Mempertahankan diri
  - C Melindungi pemimpin
  - D Menjaga kepentingan ekonomi
- 9 Bagaimanakah Khalifah Umar bin al-Khattab mengawal salah laku hakim ?
- A Diberi gaji yang tinggi
  - B Dikenakan hukuman berat
  - C Disediakan kediaman khas
  - D Dipantau oleh Majlis Syura
- 10 Mengapakah berlaku perubahan pusat pentadbiran dari Damsyik ke Cordova semasa pemerintahan Bani Umaiyah ?
- A Perluasan kuasa
  - B Pemberontakan Bani Abbasiyah
  - C Penentangan rakyat di Damsyik
  - D Pusat kegiatan ekonomi

- 11 Apakah kesan penaklukan Kerajaan Turki Uthmaniyah ke atas negara-negara Eropah pada tahun 1453 ?
- A Islam tersebar ke rantau Balkan
  - B Bahasa Arab menjadi *lingua franca*
  - C Eropah menjadi pusat latihan ketenteraan
  - D Eropah menjadi pusat perdagangan masyarakat Islam
- 12 Apakah bukti teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara dari China ?
- A Wujud perkampungan di Ta Shih, Sumatera
  - B Catatan pada batu nisan di Gerisik, Jawa
  - C Catatan pada batu bersurat di Sg. Tersat, Terengganu
  - D Wujud seni muzik dabus di Tanah Melayu
- 13 Apakah peranan istana dalam penyebaran Islam di Asia Tenggara pada kurun ke 15 ?
- I Tempat latihan pendakwah
  - II Pusat pendidikan tidak formal
  - III Pusat penterjemahan kitab
  - IV Tempat perbincangan hukum agama
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

14 Senarai berikut merupakan karya saduran Arab.

- |   |  |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Hikayat Muhammad Ali Hanafiah</li><li>• Hikayat Amir Hamzah</li></ul> | Apakah kepentingan kedua-dua karya di atas semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka ? |
|---|--|

A.

Apakah kepentingan kedua-dua karya di atas semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka?

- A Menjadi rujukan pembesar
- B Membakar semangat tentera
- C Sumber cerita lisan rakyat
- D Sumber penyebaran agama Islam

15 Maklumat berikut merupakan cerita lisan dalam masyarakat Melayu tradisional.

Anjing dengan bayang-bayang
-----------------------------

Apakah nilai moral dalam cerita tersebut ?

- A Jangan bersikap tamak
- B Jauhi perkara yang ditegah
- C Bijak membuat keputusan
- D Sabar dalam kehidupan

16 Mengapakah orang Eropah tidak dapat berdagang ke Timur Jauh pada Zaman Pertengahan ?

- A Tidak mahir ilmu pelayaran
- B Islam menguasai Mediterranean
- C Tiada galakan daripada pemerintah
- D Bersikap taklid kepada ajaran gereja

[ Lihat sebelah

- 17 Jadual 1 menunjukkan anggaran penduduk England dan Wales pada abad ke 18 dan 19.

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah</b>
1700	5.5 juta
1750	6.5 juta
1801	9 juta

*Jadual 1*

Apakah kesan pertambahan tersebut kepada Britain ?

- A Kemerosotan sistem sosial rakyat
  - B Pengenalan Akta Pemagaran Tanah
  - C Kemunculan golongan monarki baru
  - D Penguatkuasaan Akta Sepuluh Jam
- 18 Mengapakah British menumpukan pembangunan ekonomi di pantai barat Tanah Melayu ?
- A Pangkalan tentera
  - B Pusat penyelidikan
  - C Penempatan imigran
  - D Pusat pentadbiran

- 19 Apakah faktor yang menyebabkan pengusaha Cina mengambil alih lombong-lombong kepunyaan orang Melayu ?
- I Buruh yang ramai
  - II Modal yang besar
  - III Perbalahan antara pembesar
  - IV Mendapat keuntungan mudah
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 20 Mengapakah British gagal menggalakkan orang Melayu menanam padi ?
- A Kekurangan tanah yang sesuai
  - B Tanaman getah lebih menguntungkan
  - C Permintaan terhadap beras yang rendah
  - D Kebanyakan golongan belia berpindah ke bandar
- 21 Mengapakah Sarekat Islam mendesak Belanda menubuhkan Volksraad di Indonesia ?
- A Memajukan sektor ekonomi
  - B Mengatasi kemiskinan rakyat
  - C Menuju ke arah kemerdekaan
  - D Memantapkan kedudukan bangsawan



22 Berikut merupakan gerakan nasionalisme di Asia Tenggara.

- Majlis Am Sangha Sametggi
- Katipunan
- Viet Nam Quoc Dang Dang

Apakah persamaan perjuangan parti politik di atas ?

- A Penubuhan kerajaan republik
  - B Bekerjasama dengan penjajah
  - C Kemerdekaan melalui revolusi
  - D Menamatkan sistem monarki
- 23 Pernyataan berikut berkaitan gerakan nasionalisme di Thailand.

Parti Rakyat melancarkan Revolusi 1932

Apakah kesan peristiwa tersebut?

- A Pemerintahan raja berperlembagaan
  - B Pemerintahan bercorak autokratik
  - C Penubuhan kerajaan republik
  - D Pelaksanaan sistem oligarki
- 24 Mengapakah Persatuan Sahabat Pena Malaya (PASPAM) diterima oleh orang Melayu ?
- A Asas kesedaran perpaduan
  - B Pertubuhan bersifat politik
  - C Menggalakkan kemahiran berkarya
  - D Tuntut hak dalam perkhidmatan awam

- 25 Apakah matlamat penubuhan Kesatuan Melayu Muda (KMM) ?
- A Mendorong perpaduan pemuda Melayu
  - B Membangkitkan semangat nasionalisme
  - C Merangka gerakan sulit menentang British
  - D Menanam sifat mementingkan ilmu
- 26 Kedaulatan dalam konteks Kesultanan Melayu Melaka merujuk kepada
- A sistem pemerintahan beraja
  - B lambang-lambang negara
  - C alat-alat kebesaran diraja
  - D raja yang memerintah
- 27 Apakah isi kandungan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 ?
- I Kerakyatan yang sama rata
  - II Pesuruhjaya Negeri mengetuai setiap negeri
  - III Pesuruhjaya Tinggi British mengetuai Persekutuan
  - IV Pembentukan Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

28 Maklumat berikut berkaitan keadaan politik di Sabah sekitar tahun 1940-an .

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesedaran politik perlahan</li> <li>• Persatuan berpecah belah</li> <li>• Aktiviti tidak berkesan</li> </ul> |
|---|

Apakah kesan daripada keadaan tersebut ?

- A Penyerahan Sabah tidak ditentang secara terbuka
- B Pentadbiran SBUB melaksanakan dasar pemusatan
- C Pemimpin Sabah tidak terlibat dalam birokrasi moden
- D Pegawai SBUB bebas memperkenalkan peraturan baru

29 Maklumat berikut merujuk kepada cadangan Jawatankuasa Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

Bilangan ahli	Cara keanggotaan
52	Pilihanraya
X	Dilantik

Siapakah yang melantik X ?


- A Ratu England
- B Gabenor Negeri-Negeri Selat
- C Pejabat Tanah Jajahan London
- D Pesuruhjaya Tinggi British

30 Mengapakah British yakin untuk memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu pada tahun 1957 ?

- A Perpaduan kaum
- B Pembangunan ekonomi
- C Pengaruh Gagasan Melayu Raya
- D Pengaruh bekas Pegawai Tinggi British

[ Lihat sebelah

- 31 Rajah di bawah menerangkan reaksi negara-negara jiran semasa penubuhan Malaysia.



- Apakah cara penyelesaian bantahan tersebut ?
- A Campur tangan PBB
  - B Penubuhan ASA
  - C Pembentukan ASEAN
  - D Penubuhan MAPHILINDO
- 32 Apakah isu yang dibincangkan dalam Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) ?
- A Tarikh penubuhan Malaysia
  - B Bantahan Indonesia dan Filipina
  - C Perpaduan antara kaum di Tanah Melayu
  - D Kepentingan penduduk Sabah dan Sarawak
- 33 Apakah peruntukan mengenai Sabah dan Sarawak yang dimasukkan ke dalam perlembagaan Malaysia ?
- A Kuasa mengawal pertahanan awam
  - B Agama Islam sebagai agama rasmi
  - C Kuasa hal ehwal perkhidmatan awam
  - D Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi
- 34 Apakah kepentingan Perkara 153 dalam Perlembagaan Malaysia ?
- A Menjelaskan Islam sebagai agama rasmi
  - B Menjelaskan syarat-syarat kewarganegaraan
  - C Mempertahankan kedudukan istimewa orang Melayu
  - D Mengukuhkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan

- 35 Apakah bidang kuasa Kerajaan Negeri ?
- I Tanah
  - II Kewangan
  - III Pertahanan
  - IV Perhutanan
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 36 Apakah nilai murni yang terkandung dalam lagu Negaraku ?
- A Rajin
  - B Kesetiaan
  - C Dedikasi
  - D Amanah

- 37 Senarai berikut merujuk kepada agensi yang bertanggungjawab memajukan ekonomi negeri.

- Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)
- Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT)
- Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ)

Apakah fungsi agensi tersebut ?

- I Menggalakkan perindustrian
  - II Menyediakan premis perniagaan
  - III Menggalakkan kegiatan koperasi
  - IV Menyediakan pinjaman modal
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 38 Senarai berikut adalah pertubuhan ketenteraan.

- NATO
- PAKATAN WARSAW
- SEATO

Apakah faktor penubuhan pakatan tersebut ?

- A Piagam Atlantik
- B Perang Dunia Pertama
- C Perjanjian Versailles
- D Perang Dingin

- 39 Maklumat berikut adalah berkaitan dengan Pertubuhan Komanwel.

Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1989 telah mengisytiharkan Deklarasi Langkawi.

Apakah yang terkandung dalam deklarasi tersebut ?

- A Menentang dasar aparteid
  - B Menghapuskan sekatan ekonomi
  - C Membanteras penyalahgunaan dadah
  - D Mengatasi masalah pencemaran alam
- 40 Sebagai negara anggota ASEAN, apakah faedah yang diperolehi daripada perjanjian zon Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) ?
- I Kerjasama ekonomi
  - II Perdagangan serantau lebih terbuka
  - III Kemasukan barangan luar dihadkan
  - IV Pelaburan luar terkawal
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

**KERTAS SOALAN TAMAT**

[ Lihat sebelah